

SILAT OLAHRAGA KEBANGSAAN

Tuan rumah lebih hebat

30 Dec 1986

30 DEC 1986

Oleh IBRAHIM MUHAMAD

PASUKAN tuan rumah Terengganu, mencapai keputusan memerajatkan dengan menguasai empat kelas untuk memasuki perlawanan akhir Kejohanan Silat Olahraga Kebangsaan di Kuala Terengganu semalam.

Peserta tuan rumah yang layak ke perlawanan akhir ialah, Azmi Abdul Manaf (Kelas B), Che Wan Ngah (Kelas D), Abdul Razak Ismail (Kelas E) dan Azman Embong (Kelas F).

Fesilat Selangor yang menunjukkan prestasi terbaik di peringkat separuh akhir petang kelmarin hanya berjaya memasuki tiga perlawanan akhir melalui Mohamad Rafi Yaakob (Kelas A), Mohamad Khairi Abdul Rahman (Kelas C) dan Ruzaidi Abdul Rahman (kelas G).

Dalam separuh akhir, Selangor seolah-olah akan menguasai perlawanan akhir memandangkan enam peserta mereka berjaya merebut kedudukan terbaik.

Bagaimanapun beberapa kecederaan yang dialami sewaktu pusingan awal dan suku akhir meny-

babkan mereka tidak dapat memberi tentangan yang diharapkan.

Kelantan juga mencapai kejayaan baik kali ini apabila tiga pesertanya berjaya menempah tiket ke perlawanan akhir. Mohamad Fauzi Aziz (Kelas I) menjadi pesertanya yang pertama layak ke perlawanan akhir.

Seorang lagi peserta Kelantan yang layak ke peringkat akhir pagi tadi ialah Azam Haji Abas (Kelas H).

Beberapa pertubuhan silat kebangsaan yang turut serta dalam kejohanan kali ini hanya Gayong Malaysia dan Gayong Fatani sahaja yang berjaya membawa peserta mereka ke perlawanan akhir.

Peserta Gayong Malaysia ke perlawanan akhir ialah Ahmad Khusairi Ibrahim (Kelas C), Mohamad Ali Lat (Kelas E), Mohamad Fauzi Othman (Kelas F) dan Wan Mohamad Aminuddin Baki (Kelas G).

Sementara pesilat Gayong Fatani yang berjaya ialah Mohamad Yazik Ariffin (Kelas F).

Berikut ialah jadual perlawanan akhir yang akan berlangsung di Stadium Negeri Kuala Terengganu pagi ini.

Kelas A — Mohamad Rafi Yaakob (Sel) min Mohamad Fauzi Mansor (Kedah); Kelas B — Azmi Abdul Manaf (Ter) min Ahmad Wardi Salim (Mel); Kelas C — Mohamad Khairi Abdul Rahman (Sel) min Ahmad Khusairi Ibrahim (Gayong); Kelas D — Che Wan Ngah (TRG) min Zakri Ibrahim (W. Iayah); Kelas E — Abdul Razak Ismail (Ter) min Mohamad Ali Lat (Gayong).

Kelas F — Mohamad Yazik Ariffin (Fatani) min Mohamad Fauzi Othman (Gayong); Kelas G — Ruzaidi Mohamad Raman (Sel) min Wan Mohamad Aminuddin Baki (Gayong); Kelas H — Azman Embong (Ter) min Azam Haji Abas (Kel); Kelas I — Zulkifli Mohamad Saleh (Job) min Mohamad Fauzi Abdul Aziz (Kel).